

Dr. M ingatkan rakyat ambil iktibar dari peristiwa 13 Mei

UM 17 OCT 1990

Oleh
Razak Rashid Ghows

JOHOR BAHARU 16 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya mengambil iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969 apabila rusuhan kaum tercetus selepas pilihanraya umum.

Ketika itu, kata Perdana Menteri, walaupun parti kerajaan berkuasa, ia menang dengan majoriti kurang dua pertiga.

Beliau menegaskan, sesiapa yang tidak belajar dari sejarah akan didera dengan mengulangi kesalahan serupa.

"Sejarah adalah bilik kuliah yang paling besar dan kita

hendaklah mengambil iktibar daripada peristiwa tahun 1969," ujar beliau semasa merasmikan Pelan Ekonomi Johor 1990-2005 di Kompleks Islam di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan yang lemah tidak akan mendatangkan kebaikan kepada rakyat dalam pelbagai hak, termasuk keselamatan.

Mengulas keputusan PBS keluar dari Barisan Nasional Perdana Menteri menegaskan,

parti itu tidak akan diterima lagi menjadi anggota BN pada bila-bila masa sekalipun.

Menurutnya, tindakan tersebut telah dirancang lebih awal antara Presiden PBS, Datuk Pairin Kitingan dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin, perkembangan tersebut tidak langsung menjejaskan BN kerana PBS hanya mempunyai 14 kerusi Parli-
men sahaja.

"Tindakan PBS memberi

kesan positif di Pantai Timur kerana Pas sekarang berkawan dengan orang-orang yang bukan-bukan," kata beliau.

Beliau menambah, BN akan menghantar petugas-petugasnya berkempen bagi pihak calon-calon yang menentang PBS pada pilihanraya ini.

Ditanya sama ada calon-calon Bebas itu kemudian akan menyertai BN, beliau berkata, ia merupakan perkara kecil.

Katanya, "kalau PBS boleh menukar gelanggang, tidak ada sebab calon Bebas tidak boleh berbuat demikian," ujarnya.